



NEGERI SABAH

ENAKMEN LEMBAGA  
KEMAJUAN PERHUTANAN  
NEGERI SABAH 1981

(Sabah No. 24 tahun 1981)

*Dicetak oleh Pencetak Kerajaan  
dengan kuasa Perintahjaya Cetakan Undang Undang Sabah  
di bawah teksyen 3 Enakmen Cetak Semula Undang Undang 1967 (No. 5/1967)  
dan mengandungi undang-undang yang telah diwujud  
sebagaimana yang berkuatkuasa pada 16 November 1981*

## KANDUNGAN

---

*Muka Surat*

SUSUNAN SEKSYEN.....	1
SENARAI PINDAAN .....	3
ENAKMEN .....	5

ENAKMEN LEMBAGA KEMAJUAN  
PERHUTANAN NEGERI SABAH 1981  
(No. 24 tahun 1981)

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II  
PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN LEMBAGA

3. Penubuhan Lembaga.
4. Keanggotaan Lembaga.
5. Perletakan jawatan dan pembatalan.
6. Hilang kelayaskan menjadi ahli.
7. Pengosongan jawatan.
8. Kebenaran tidak hadir.
9. Kekosongan luar jangka dan keahlian sementara.
10. Saraan ahli-ahli Lembaga.

BAHAGIAN III  
ACARA LEMBAGA

11. Mesyuarat.
12. Acara Mesyuarat.
13. Ahli-ahli berkepentingan tidak boleh mengundi.
14. Kuasa melantik jawatankuasa.
15. Mesyuarat jawatankuasa.
16. Perwakilan kuasa.
17. Kuasa Penggerosi untuk mewakilkan.
18. Penyempurnaan dokumen, dll.
19. Kekosongan tidak boleh membatalkan tindakan, dll..

BAHAGIAN IV  
PENTADBIRAN

20. Perlantikan Pengurus Besar, pegawai dan penjawat.
21. Sekatan atas perubahan kepada perjawatan.
22. Pengurus Besar sebagai ketua pegawai eksekutif.
23. Pegawai atau penjawat tidak boleh berkepentingan dalam kontrak.

**BAHAGIAN V**  
**FUNGSI-FUNGSI LEMBAGA**

**Seksyen**

- 24. Fungsi-fungsi Lembaga.
- 25. Kuasa-kuasa am Lembaga.

**BAHAGIAN VI**  
**PERUNTUKAN KEWANGAN**

- 26. Kumpulan Wang Lembaga.
- 27. Pelaburan wang.
- 28. Kuasa-kuasa meminjam.
- 29. Pinjaman boleh dijamin dengan gadai-janji.
- 30. Kuasa memberi pinjaman.
- 31. Kuasa menggerenti pinjaman.
- 32. Anggaran tahunan.
- 33. Akaun.
- 34. Audit dan penyata akaun.
- 35. Laporan tahunan.
- 36. Akaun bank.
- 37. Bila tender dipanggil.

**BAHAGIAN VII**

**AM**

- 38. Kuasa Menteri memberi arahan.
- 39. Pengambilan tanah dengan paksa.
- 40. Pindahmilik harta kepada Lembaga.
- 41. Kuasa-kuasa darurat Pengurus Besar.
- 42. Kuasa menggantung fungsi-fungsi eksekutif.
- 43. Kerahsiaan dan penalti.
- 44. Perlindungan terhadap prosiding undang-undang.
- 45. Penjawat awam.
- 46. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
- 47. Lembaga hendaklah disifatkan sebagai Anak Negeri.
- 48. Orang-orang yang diberikuasa untuk mendakwa.
- 49. Izin pendakwaan.
- 50. Kuasa membuat peraturan-peraturan.
- 51. Pemansuhan dan kecualian.

ENAKMEN LEMBAGA KEMAJUAN  
PERHUTANAN NEGERI SABAH 1981  
(No. 24 tahun 1981)

3

SENARAI PINDAAN

<i>Enakmen No.</i>	<i>Seksyen dipinda</i>	<i>Tarikh pindaan berkuatkuasa</i>
2/1987	48,49	16 - 4 - 1987
1/1991	24 (4), (5)	1 - 1 - 1982
12/1996	2 (takrif "Menteri"), 4 (1) (c)	5 - 9 - 1996

Suatu Enakmen bagi memansuhkan dan memperbaiki semula undang-undang yang berhubung dengan penubuhan suatu Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah dan bagi membuat peruntukan untuk perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya bagi mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan keanggotaan, pentadbiran, acara, fungsi-fungsi dan kewangan Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah.

[1 Januari 1982]

DIPERBUAT UNDANG UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah 1981 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*\*.  
Tarikh  
ringkas dan  
mula  
berkuatkuasa
- (2) Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya bahagian-bahagian atau peruntukan-peruntukan yang berlainan Enakmen ini.
2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya *Tafsiran* menghendaki makna yang lain-
  - "ahli" erti seorang ahli Lembaga termasuklah Pengerusi dan Timbalan Pengerusi;
  - "balak" hendaklah mempunyai erti yang diperuntukkan kepada padanya dalam Enakmen Hutan 1968;  
En. No. 27  
1968
  - "fungsi-fungsi" termasuklah kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan.
  - "Lembaga" erti Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA) yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.

\* Berkuatkuasa pada 1 Januari 1982 - bhar P.W. 180/82.

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab bagi perkara-perkara berhubung dengan Lembaga;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga;

"Pengurus Besar" ertinya Pengurus Besar yang dilantik di bawah seksyen 20 Enakmen dan termasuklah mana-mana orang yang pada masa itu dilantik sedemikian untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan Pengurus Besar;

"Timbalan Pengerusi" ertinya Timbalan Pengerusi Lembaga.

## BAHAGIAN II

### PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN LEMBAGA

Penubuhan  
Lembaga

3. (1) Daripada mula berkuatkuasanya Enakmen ini maka hendaklah ditubuhkan "Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah" yang adalah suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun yang boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan mempunyai kuasa untuk membeli atau dengan cara lain memperolehi, memegang, dan menukar atau memberimilik atau dengan cara lain menguruskan dengan apa-apa jua cara yang sah di sisi undang-undang, apa-apa harta alih dan tak alih, dan untuk membuat kontrak dan amnya untuk melakukan apa-apa jua tindakan dan perkara yang suatu pertubuhan perbadanan boleh melakukan di sisi undang-undang dan yang perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan matlamat-matlamatnya dan perjalanan kuasa-kuasanya yang dinyatakan dalam Enakmen ini.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meteri yang hendaklah mengandungi apa-apa devais yang diluluskan oleh Lembaga dan meteri itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru oleh Lembaga sebagaimana yang disikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Sehingga suatu meteri diperuntukkan di bawah subseksyen (2), suatu cap yang mengandungi teraan "Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah" boleh digunakan sebagai meteri Lembaga.

Keanggotaan  
Lembaga

4. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut-

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) tiga orang ahli *ex-officio*, yang hendaklah orang-orang yang pada masa itu memegang jawatan-jawatan Setiausaha Hasil Bumi, Setiausaha Tetap Kementerian

**LEMBAGA KEMAJUAN  
PERHUTANAN NEGERI SABAH**

7

yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara berhubung dengan Lembaga dan Pengarah Perhutanan;

- (d) empat orang ahli lain;
- (e) orang yang pada masa itu memegang jawatan Pengurus Besar;

Dengan syarat bahawa Pengurus Besar tidak berhak mengundi di mesyuarat Lembaga.

(2) Ahli-ahli yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan (a), (b) dan (d) subseksyen (1) hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri.

(3) Seorang ahli *ex-officio* boleh, melalui surat cara bertulis yang dialamatkan kepada Pengerusi, melantik seorang pegawai lain dalam perkhidmatan awam Negeri sebagai ahli silih ganti yang boleh hadir bagi pihaknya di sesuatu mesyuarat Lembaga yang ahli itu tidak dapat hadir kerana sesuatu sebab dan ahli silih ganti itu hendaklah, apabila menghadiri mesyuarat itu, disifatkan sebagai ahli Lembaga bagi segala maksud.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 7 Enakmen ini, seorang ahli, selain daripada ahli *ex-officio* dan Pengurus Besar, hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh selama tiga tahun dari tarikh perlantikkannya, dan adalah layak dilantik semula.

5. (1) Seorang ahli, selain daripada ahli *ex-officio* dan Pengurus Besar, boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberi notis bertulis kepada Pengerusi.

Perletakan  
jawatan  
dan  
pembatalan

(2) Perlantikan seseorang ahli boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Yang di-Pertua Negeri jika difikirkannya mustahak berbuat demikian.

6. Orang-orang yang berikut hendaklah hilang kelayakan mereka untuk dilantik atau, jika telah dilantik, untuk terus menjadi ahli—

- (a) seseorang yang tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menguruskan hal-hwalnya;
- (b) seseorang yang dilarang daripada menjadi pengarah suatu syarikat di bawah peruntukan-peruntukan manapun undang-undang bertulis berhubung dengan syarikat-syarikat;

Hilang  
kelayakan  
mesyuarat  
ahli

- (c) seseorang yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan fraud, ketidakjujuran atau buruk akhlak; dan
- (d) seseorang bankrap.

Pengosongan  
jawatan

7. Jawatan seseorang ahli, selain daripada ahli *ex-officio* dan Pengurus Besar, adalah menjadi kosong—

- (a) apabila ia mati;
- (b) jika ia tidak hadir di tiga mesyuarat Lembaga berturut-turut tanpa kebenaran khas dari Pengurus atau kebenaran tidak hadir yang diberi di bawah Enakmen ini dan Lembaga meluluskan suatu ketetapan mengesyiharkan jawatannya menjadi kosong;
- (c) jika ia meletakkan jawatannya;
- (d) jika ia hilang kelayakan dari menjadi ahli di bawah seksyen 6 Enakmen ini;
- (e) jika perlantikannya dibatalkan oleh Yang di-Pertua Negeri.

Kebenaran  
tidak hadir

8. Menteri boleh memberi kepada mana-mana ahli sesuatu kebenaran tidak hadir sebagaimana yang disifatkan patut oleh Menteri.

Kekosongan  
luar jangka  
dan kehfisan  
sementara

9. (1) Jika jawatan seseorang ahli, selain daripada ahli *ex-officio* dan Pengurus Besar, menjadi kosong, Yang di-Pertua Negeri boleh melantik seorang lain yang berkelayakan sempurna untuk mengisi kekosongan itu hanya bagi selama tempoh yang ahli yang ia telah dilantik mengantikannya sepatutnya memegang jawatan.

(2) Jika seseorang ahli, selain daripada ahli *ex-officio* dan Pengurus Besar, tidak dapat melaksanakan kewajipan-kewajipannya sebagai seorang ahli oleh sebab sakit, berada di luar Negeri atau sebab-sebab lain seumpamanya, Yang di-Pertua Negeri boleh melantik mana-mana orang yang berkelayakan sempurna untuk bertindak sebagai tumbalan bagi ahli itu semasa tempoh ia tidak dapat melaksanakan kewajipan-kewajipannya.

Sarjanah  
ahli  
Lembaga

10. Maka hendaklah dibayar kepada ahli-ahli, atau kepada mana-mana daripada mereka sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, apa-apa gaji, bayaran dan elauan daripada wang Lembaga sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

LEMBAGA KEMAJUAN  
PERHUTANAN NEGERI SABAH

BAHAGIAN III  
ACARA LEMBAGA

**11.** (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu atau mustahak bagi perjalanan urusannya dan mesyuarat-mesyuarat itu hendaklah diadakan di mana-mana tempat dan pada sesuatu masa yang ditentukan oleh Pengerusi:

Dengan syarat bahawa Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada tiga bulan berlalu di antara mesyuarat-mesyuarat itu.

(2) Jika tidak kurang daripada tiga orang ahli, dengan notis bertulis yang ditandatangani oleh mereka dan dialamatkan kepada Pengerusi, meminta bahawa suatu mesyuarat Lembaga diadakan bagi sesuatu maksud yang dinyatakan dalam notis itu Pengerusi hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas ia menerima notis itu memanggil suatu mesyuarat dengan sejawarnya.

**12.** (1) Kuorum yang perlu bagi perjalanan urusan Lembaga adalah lima.

(2) Jika Pengerusi tidak hadir di sesuatu mesyuarat Lembaga, Timbalan Pengerusi hendaklah mengetuai mesyuarat itu dan, jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi kedua-duanya tidak hadir, maka ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih seorang dari kalangan mereka untuk mengetuainya.

(3) Persoalan yang timbul di sesuatu mesyuarat Lembaga hendaklah diputuskan dengan cara undi terbanyak ahli-ahli yang hadir dan mengundi mengenainya dan jika terdapat undi sama banyak maka Pengerusi atau orang lain yang mengetuai mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi kedua atau undi permutus.

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat perintah tetap bagi mengatur acaranya sendiri.

**13.** (1) Mana-mana ahli yang mempunyai atau memperolehi, secara langsung atau tak langsung dengan sendirinya, melalui pekongsi atau ejennya—

- (a) apa-apa syer atau kepentingan di dalam mana-mana kontrak yang dibuat dengan Lembaga atau dalam apa-apa kerja yang dilakukan untuk Lembaga atau di dalam mana-mana syarikat atau dengan mana-mana orang atau berkenaan dengan mana-mana pengusahaan yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat kontrak; atau

- (b) apa-apa kepentingan yang berfaedah mengenai tanah yang dicadang hendak diambil, dibeli, dipajak atau secara lain diuruskan oleh Lembaga atau yang diketahui oleh ahli itu akan tersentuh atau mungkin akan tersentuh oleh apa-apa projek, skim atau enterprais yang diluluskan atau dicadang untuk diluluskan oleh Lembaga,

hendaklah, sebelum mengambil bahagian dalam sesuatu acara mesyuarat Lembaga, yang berhubung dengan atau menyentuh secara langsung atau tak langsung, mana-mana kontrak atau tanah itu, memaklumkan orang yang mengetuai mesyuarat itu mengenai sifat dan banyaknya syer atau kepentingan itu, dan maklumat itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat itu, dan ahli itu tidak boleh mengundi mengenai apa-apa ketetapan atau persoalan yang berhubung dengannya, atau perkara-perkara yang bersampingan dengannya dan jika orang yang mengetuai mesyuarat itu memintanya, ahli itu hendaklah menarik diri dari mesyuarat itu semasa pertimbangan atau keputusan itu:

Dengan syarat bahawa tiada seseorang ahli boleh disifatkan sebagai mempunyai atau memperolehi apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak dengan Lembaga hanya oleh sebab ia mempunyai atau memperolehi suatu syer dalam sesuatu pinjaman yang dikeluarkan oleh Lembaga atau dalam mana-mana sekuriti baginya:

Dengan syarat selanjutnya bahawa bagi maksud menentukan cukup kuorum seseorang ahli yang hadir di mesyuarat itu hendaklah dianggap hadir walaupun ia tidak boleh mengundi atau telah menarik diri di bawah peruntukan-peruntukan seksyen ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) seksyen ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda seribu ringgit dan penjara selama enam bulan.

Kuasa  
melantik  
jawatankuasa

**14. (1)** Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmenim, Lembaga boleh, bagi apa-apa maksud am atau khas, melantik jawatankuasa-jawatankuasa yang difikirkannya diperlukan.

(2) Sesuatu jawatankuasa boleh melakukan semua perkara yang perlu bagi perjalanan yang berkesan fungsi-fungsinya tetapi adalah tertakluk kepada arahan-arahan am Lembaga.

(3) Sesuatu jawatankuasa hendaklah terdiri daripada seorang Pengurus dan tidak lebih daripada lima orang yang lain.

(4) Sesuatu jawatankuasa boleh terdiri daripada orang-orang yang bukan ahli Lembaga.

(5) Ahli-ahli jawatankuasa bolch dibayar apa-apa saraan atau cloun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri.

**15.** (1) Jika Pengurus sesuatu jawatankuasa tidak hadir di Mesyuarat sesuatu mesyuarat jawatankuasa itu, mana-mana ahli lain jawatankuasa itu sebagaimana yang dipilih oleh ahli-ahli yang hadir hendaklah mengetuai mesyuarat itu.

(2) Kuorum bagi mesyuarat suatu jawatankuasa adalah tiga.

(3) Sesuatu persoalan yang hendak ditentukan di sesuatu mesyuarat suatu jawatankuasa hendaklah diputuskan dengan cara undi terbanyak daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi di atasnya, dan jika terdapat undi sama banyak maka orang yang mengetuai mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi kedua atau undi pemutus.

(4) Sesuatu jawatankuasa boleh menjemput ke sesuatu mesyuaratnya mana-mana orang yang pada pendapatnya boleh menyumbang dalam pertimbangan-pertimbangannya tetapi orang itu tidak boleh mempunyai hak mengundi di mesyuarat itu.

(5) Tertakluk kepada seksyen ini dan arahan-arahan dari Lembaga, sesuatu jawatankuasa hendaklah mengatur acaranya sendiri.

**16.** (1) Lembaga boleh mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa, ahli, pegawai atau penjawat Lembaga, mana-mana daripada fungsi-fungsinya, sebagaimana yang disifatkannya perlu atau dikehendaki. Perwakilan kuata

(2) Sesuatu fungsi yang diwakilkan di bawah seksyen ini—

(a) boleh diwakilkan sedemikian tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dikenakan secara am atau khas oleh Lembaga;

(b) hendaklah dijalankan oleh jawatankuasa, ahli, pegawai atau penjawat yang berkenaan atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(3) Tiada sesuatu perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menghalang Lembaga sendiri daripada menjalankan atau melaksanakan pada bila-bila masa mana-mana daripada fungsi-fungsinya yang diwakilkan sedemikian.

Kuasa  
Pengerusi  
untuk  
mewakilkan

**17.** (1) Tertakluk kepada perintukan-perintukan Enakmen ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, Pengerusi boleh mewakilkan secara bertulis kepada mana-mana ahli, pegawai atau penjawat Lembaga kuasa bagi menjalankan bagi pihaknya apa-apa kewajipan, kuasa atau fungsi sebagaimana yang ditentukannya.

(2) Pengerusi boleh pada waktu mewakilkan mana-mana kuasa di bawah subseksyen (1) kepada mana-mana ahli, pegawai atau penjawat, atau pada bila-bila masa selepas itu memberi arahan-arahan mengenai cara bagaimana kuasa yang diwakilkan itu hendak dijalankan dan boleh pada bila-bila masa membatalkan, mengubahsuai atau menambah perwakilan itu.

Penyimpanan  
dokumen  
dll

**18.** (1) Meteri Lembaga hendaklah disimpan oleh Pengerusi dan tidak boleh digunakan kecuali di hadapan Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan seorang ahli dan penggunaan itu hendaklah disahkan dengan tandatangan-tandatangan orang-orang itu dan pengesahan itu adalah bukti yang cukup bahawa meteri itu telah digunakan dengan sepatutnya dan bahawa ia adalah meteri Lembaga yang sah di sisi undang-undang.

(2) Semua dokumen, selain daripada yang dikehendaki oleh undang-undang untuk dimeteri, yang Lembaga adalah suatu pihak baginya, boleh ditandatangani bagi pihak Lembaga oleh Pengerusi atau mana-mana ahli atau oleh mana-mana pegawai atau penjawat yang diberikuasa secara am atau khas bagi maksud itu oleh Lembaga.

Kekosongan  
tidak boleh  
membatalkan  
tindakan  
dll

**19.** (1) Tiada sesuatu tindakan atau prosiding Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya boleh dipersoalkan oleh sebab sesuatu kekosongan di kalangan ahli-ahli atau oleh sebab perlantikan seseorang ahli tidak sempurna.

(2) Sehingga dibuktikan sebaliknya tiap-tiap mesyuarat Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya hendaklah disifatkan sebagai telah dipanggil dan diadakan dengan sempurna dan semua ahli yang hadir di mesyuarat itu hendaklah disifatkan sebagai berkelayakan dengan sempurna.

(3) Suatu pernyataan dalam sesuatu dokumen yang menyatakan bahawa sesuatu fungsi telah diwakilkan di bawah Bahagian ini hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, menjadi bukti bahawa perwakilan itu telah dibuat dengan sah.

**LEMBAGA KEMAJUAN  
PERHUTANAN NEGERI SABAH**

13

**BAHAGIAN IV  
PENTADBIRAN**

- |  |  |
|--|--|
| <p><b>20.</b> (1) Tertakluk kepada seksyen 21, Lembaga hendaklah melantik seorang Pengurus Besar, dengan kelulusan Menteri, dan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat sebagaimana yang perlu bagi perjalanan fungsi-fungsi dan kewajipan-kewajipannya di bawah Enakmen ini.</p> <p>(2) Jika Pengurus Besar tidak berupaya melaksanakan kewajipan-kewajipannya sebagai demikian oleh sebab sakit, berada di luar Negeri, atau sebab lain seumpamanya, atau jika jawatan Pengurus Besar kosong, Lembaga boleh melantik seorang daripada pegawai-pegawaiannya untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan Pengurus Besar semasa tempoh Pengurus Besar tidak dapat melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau jika jawatan tersebut kosong.</p> <p>(3) Tertakluk kepada kelulusan Kerajaan, Pengurus Besar dan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat lain Lembaga hendaklah diambil kerja atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.</p> <p><b>21.</b> Lembaga tidak boleh membuat apa-apa tambahan kepada jawatan-jawatannya yang telah ditubuhkan, tanpa kelulusan Sekatan atas perubahan kepada perjawatan.</p> <p><b>22.</b> (1) Pengurus Besar hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif yang bertanggungjawab kepada Lembaga dan hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang ditentukan atau diwakilkan oleh Lembaga.</p> <p>(2) Tertakluk kepada arahan-arahan dan kawalan Lembaga, semua pegawai dan penjawat Lembaga hendaklah terletak di bawah kawalan pentadbiran Pengurus Besar.</p> <p><b>23.</b> (1) Tiada seseorangpun layak diambil kerja sebagai pegawai atau penjawat Lembaga yang mempunyai, secara langsung atau tak langsung, dengan sendirinya atau melalui pekongsinya, apa-apa syer atau kepentingan dalam sesuatu kontrak dengan, bagi atau bagi pihak Lembaga.</p> <p>(2) Mana-mana pegawai atau penjawat Lembaga yang mempunyai atau memperolehi apa-apa syer atau kepentingan itu adalah boleh menurut budi bicara Lembaga dipecat terus tanpa notis.</p> | <p>Pelantikan Pengurus Besar, pegawai dan penjawat</p> <p>Sekatan atas perubahan kepada perjawatan</p> <p>Pengurus Besar sebagai ketua pegawai eksekutif</p> <p>Pegawai atau penjawat tidak boleh berkepentingan dalam kontrak</p> |
|--|--|

(3) Tiada seseorang pegawai atau penjawat boleh disifatkan sebagai mempunyai atau memperolehi apa-apa syer atau kepentingan itu hanya oleh sebab bahawa—

- (a) ia adalah atau menjadi ahli suatu syarikat yang diperbadankan yang memiliki tanah yang terletak di Sabah atau mempunyai kontrak dengan atau menjalankan kerja bagi Lembaga; atau
- (b) ia mempunyai atau memperolehi suatu syer dalam mana-mana pinjaman, yang dikeluarkan oleh Lembaga atau dalam mana-mana sekuriti bagi pinjaman itu.

#### BAHAGIAN V FUNGSI-FUNGSI LEMBAGA

Fungsi-fungsii  
Lembaga

**24.** Fungsi-fungsii Lembaga ialah—

(1) untuk menggalak, memaju, merangsang, memperbaiki, menyelaras, mengatur dan mengawal keluaran hutan dan aktiviti-aktiviti keluaran hutan termasuk penggunaan keluaran hutan secara berkesan dan cekap; pemberian cara-cara mengusahakan keluaran hutan; penanaman, penyenggaraan dan penuaian tanaman hutan; menggred dan mengawal mutu; cara-cara pengendalian, perniagaan dan pemasaran;

(2) berkenaan dengan hutan, keluaran hutan dan aktiviti-aktiviti keluaran hutan—

- (a) untuk memungut, mengkaji, menganalisa dan menyeharkan maklumat;
- (b) sebagaimana yang diperlukan untuk membuat perkiraan bagi dan jika boleh mengadakan perkhidmatan nasihat teknik, kemudahan dan agensi pemasaran, program latihan;
- (c) untuk membuat syor kepada Kerajaan mengenai cara, langkah dan dasar dan melaksanakan atau membantu dalam pelaksanaan apa-apa dasar atau cara yang diluluskan oleh Kerajaan jika dikehendaki;
- (d) untuk mengujip, menerima atau mengenakan apa-apa dius, ses atau caj-caj lain yang disifatkan munasabah oleh Menteri bagi membayai kos-kos Lembaga dan perjalanan matlamat-matlamat dan fungsi-fungsinya;

(3) untuk menjalankan atau menyelia pembangunan kawasan-kawasan yang sesuai dari mana balak telah dikeluarkan dan kawasan-

kawasan lain yang sesuai termasuk urusan penanaman atau penanaman semula;

(4) untuk menggalak, memaju, menyelia dan mengusahakan penghutanan dan penanaman semula hutan untuk menambah pengeluaran balak daripada hutan semulajadi;

(5) untuk menjalankan pembangunan skim penempatan berdasarkan hutan melalui pelaksanaan penghutanan dan penanaman semula hutan untuk meningkatkan standard sosio-ekonomi penduduk luar bandar.

25. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang munasabah perlu bagi atau mustahak untuk atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya dan terutamanya, tetapi tanpa menyentuh keluasan makna seksyen ini—

- (a) untuk membenarkan sesuatu jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau seseorang atau pertubuhan untuk mengambil bekerja seseorang ejen untuk menjalankan sesuatu kerja atau melaksanakan sesuatu tindakan pada melaksanakan tujuan dan fungsi Lembaga yang Lembaga berkuasa untuk melaksanakannya dan yang diluluskan oleh Lembaga;
- (b) untuk melantik penasihat-penasihat teknik sebagaimana yang difikirkannya perlu dan untuk membenarkan penasihat-penasihat itu hadir di sesuatu mesyuarat Lembaga;

Kuasa-kuasa  
Lembaga

Dengan syarat bahawa penasihat-penasihat itu tidak boleh mengundi di mesyuarat itu;

- (c) untuk menjalankan urusan-urusan keluaran hutan termasuk pedagang balak, kontraktor, pengangkut penumpang atau barang-barang melalui darat atau laut, peniaga keluaran hutan termasuk keluaran balak atau kayu dan untuk menjalankan apa-apa jua urusan lain yang pada pendapat Lembaga, adalah perlu bagi maksud-maksud Lembaga;
- (d) untuk melakukan apa-apa jua bagi maksud—
  - (i) meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja Lembaga;
  - (ii) meningkatkan kecekapan kelengkapan Lembaga dan cara kelengkapan itu dikendalikan;

- (iii) peruntukan kemudahan latihan, pelajaran dan penyelidikan oleh Lembaga dan bantuan dalam peruntukan itu oleh pihak lain;
- (e) mengadakan rumah, asrama dan penginapan seumpamanya termasuk rumah pemuliharaan atau rumah percutian, kelab dan padang permainan bagi pekerja-pekerja Lembaga;
- (f) untuk memberi dan menggeruni pinjaman kepada pekerja-pekerja Lembaga bagi maksud-maksud sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga;
- (g) untuk memajukan pada amnya kebajikan pekerja-pekerja Lembaga;
- (h) untuk mengadakan cara-cara untuk memudahkan cara-cara yang diperbaiki bagi memproses dan memasar keluaran hutan termasuk balak;
- (i) untuk mengadakan kajian dan penyiasatan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan fungsi-fungsinya;
- (j) untuk menetapkan skim bagi memproses dan memasar keluaran hutan termasuk balak oleh sebuah badan awam atau persendirian atau orang dan untuk memberi bantuan kepada mana-mana badan atau orang itu, termasuk bantuan kewangan dengan cara pemberian, pinjaman atau selainnya;
- (k) untuk menubuhkan syarikat sama ada dipunyai keseluruhannya atau sebagai usahasama dan untuk melakukan penyertaan equiti dalam semua aktiviti yang berkaitan dengan fungsi-fungsinya dengan badan awam atau persendirian atau orang;
- (l) untuk menerima, sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberikannya, komisen atau bayaran sebagaimana yang dipersetujui;
- (m) untuk menjalankan apa-apa aktiviti lain yang pada pendapat Lembaga perlu, berfaedah atau mudah bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya.

**BAHAGIAN VI**  
**PERUNTUKAN KEWANGAN**

Kumpulan  
Wang  
Lembaga

26. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Kumpulan Wang yang akan dinamakan "Kumpulan Wang Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah" yang hendaklah terdiri daripada-

**LEMBAGA KEMAJUAN  
PERHUTANAN NEGERI SABAH**

17

- (a) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa diperuntukkan oleh Dewan Undangan daripada hasil am Negeri Sabah, atau yang didermakan oleh Kerajaan Negeri Sabah atau Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri di dalamnya atau oleh mana-mana institusi atau orang fajin bagi maksud-maksud Lembaga;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa didapatkan oleh Lembaga secara pinjaman;
- (c) semua wang sewa dan hasil untung jualan dan pendapatan dan jumlah wang lain yang didapat oleh Lembaga secara langsung atau tak langsung dari harta kepunyaan Lembaga;
- (d) semua jumlah wang lain yang dari semasa ke semasa dibayar kepada Lembaga.

(2) Kumpulan Wang itu boleh digunakan bagi membiayai caj-caj berikut—

- (a) perbelanjaan dan elaun ahli-ahli;
- (b) gaji, bayaran atau saraan pegawai-pegawai, ejen-ejen dan penjawat-penjawat dan penasihat-penasihat teknik dan penasihat-penasihat lain Lembaga;
- (c) semua kos, caj dan perbelanjaan bagi dan bersampingan dengan perjalanan kuasa-kuasa Lembaga di bawah Enakmen ini;
- (d) bunga atas apa-apa pinjaman yang didapatkan oleh Lembaga;
- (e) jumlah wang yang diperlukan bagi membayar balik wang yang dipinjam;
- (f) apa-apa jumlah wang yang disifatkannya patut untuk diketepikan berkenaan dengan kesusutan harta Lembaga;
- (g) apa-apa bayaran arkitek, pengurusan dan agensi;
- (h) pemberian atau pinjaman yang dibenarkan oleh Lembaga kepada Kerajaan Negeri atau kepada apa-apa projek pembangunan yang tertentu yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri;
- (i) apa-apa perbelanjaan lain yang dibenarkan oleh Lembaga dan yang kena dipertanggungkan dengan sepatutnya atas akaun hasil.

(3) Baki hasil dan pendapatan Lembaga hendaklah dipakai bagi

mewujudkan suatu rizab am atau apa-apa rizab lain atau kumpulan wang modal sebagaimana yang disifatkan patut oleh Lembaga.

Pelaburan  
wang

Akta 372

**27.** Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, melaburkan mana-mana daripada wangnya, yang tidak diperlukan serta-merta untuk dibelanjakan pada membiayai kewajipan-kewajipan atau pada menjalankan fungsi-fungsi Lembaga, dalam sekuriti-sekuriti yang dibenarkan bagi pelaburan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu, dan boleh mendepositkannya dalam mana-mana bank atau bank-bank yang berlesen di bawah peruntukan-peruntukan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989\*, atau, dalam sesuatu pengusahaan sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Kasus-kasus  
meminjam

Akta 372:

**28.** Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri Kewangan, meminjam wang dengan mengeluarkan stok debentur atau dengan cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan bagi maksud-maksud Enakmen ini.

(2) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, bagi maksud Enakmen ini, mendapatkan pinjaman dari Kerajaan, atau dengan izin Menteri Kewangan, meminjam dengan cara pinjaman sementara atau overdraf dari suatu bank yang berlesen di bawah peruntukan-peruntukan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989\* atau dengan cara lain.

Pinjaman  
boleh  
dijamu  
dengan  
gadai-janji

**29.** Lembaga boleh menjamin bayaran balik apa-apa jumlah wang yang dipinjam, dengan menggadai-janji atau menggadai, secara undang-undang atau mengikut ekuiti, mana-mana daripada harta yang terletakhak pada Lembaga, atau apa-apa hasil yang boleh diterima oleh Lembaga di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Kuasa  
memberi  
pinjaman

**30.** (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang disifatkan patut oleh Menteri dikenakan dalam hal-hal tertentu, Lembaga boleh, daripada Kumpulan Wang memberi pinjaman mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini bagi maksud itu, pada melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah seksyen 24.

(2) Pada memberi pinjaman di bawah peruntukan-peruntukan subseksyen (1) Lembaga boleh menganakkan apa-apa kadar bunga yang disifatkannya patut dalam sesuatu hal tertentu.

\* "Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989" telah menggantikan "Akta Bank 1973" menurut kuasa Akta 372.

**LEMBAGA KEMAJUAN  
PERHUTANAN NEGERI SABAH**

19

(3) Tiap-tiap pinjaman hendaklah dibayar balik kepada Lembaga mengikut terma-terma dan syarat-syarat pinjaman itu diberi dan wang yang dibayar sedemikian hendaklah selepas itu dimasukkan ke dalam akaun Lembaga.

(4) Tiap-tiap gadai-janji bagi menjamin pinjaman dan tiap-tiap suratcara atau gadaijan di bawah peruntukan-peruntukan Enakmen ini hendaklah diluluskan oleh Lembaga, dan semua kos, caj dan perbelanjaan yang dibuat berkaitan dengannya hendaklah dibayar oleh orang yang diberikan pinjaman itu.

**31.** Lembaga boleh, dengan kelulusan bertulis dari Yang di-Pertua Negeri, menggerenti sesuatu pinjaman yang diberi oleh mana-mana bank atau institusi kewangan kepada mana-mana pemohon yang diluluskan oleh Lembaga bagi sesuatu maksud yang Lembaga sendiri mungkin akan memberi pinjaman itu.

Kuala  
menggereni  
pinjaman

**32.** (1) Lembaga hendaklah sebelum bermula tiap-tiap satu tahun kewangan menyebabkan disediakan dan hendaklah menerima anggaran tahunan pendapatan dan perbelanjaan Lembaga bagi tahun yang berikutnya.

Anggaran  
tahunan

(2) Anggaran tambahan boleh diterima oleh Lembaga di mana-mana mesyuaratnya.

(3) Suatu salinan semua anggaran tahunan dan anggaran tambahan hendaklah, setelah diterima oleh Lembaga dihantar dengan segera kepada Menteri untuk kelulusannya.

(4) Tiada sesuatu perbelanjaan yang tidak dimasukkan dalam anggaran tahunan atau anggaran tambahan yang diterima oleh Lembaga dan diluluskan oleh Menteri boleh dibuat oleh Lembaga.

**33.** (1) Lembaga hendaklah menyebabkan—

Akaun

- (a) akaun yang sepatutnya dan rekod-rekod lain yang berhubung dengannya disimpan; dan
- (b) disediakan suatu penyata akaun tahunan.

(2) Penyata akaun tahunan Lembaga hendaklah menunjukkan suatu pandangan yang betul dan wajar mengenai kedudukan kewangan Lembaga, dan mengenai hasil kerja-kerja Lembaga bagi tahun yang berkaitan dengan penyata itu.

(3) Tahun kewangan Lembaga adalah tempoh yang bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember pada tiap-tiap satu tahun.

Audit dan  
penyata  
akaun

**34.** (1) Akaun-akaun Lembaga hendaklah diaudit oleh Ketua Audit Negara.

(2) Lembaga hendaklah, tidak lewat daripada 31 Julai tiap-tiap satutahun, menghantar akaun-akaun Lembaga bagi tahun kewangan yang terdahulu kepada Ketua Audit Negara bagi maksud diaudit.

(3) Lembaga hendaklah, apabila dikhendaki oleh Ketua Audit Negara, mengemukakan dan memperlihatkan kepadanya semua buku dan akaun Kumpulan Wang yang berkenaan, bersama dengan semua baucar yang menyokongnya, dan yang berhubung dengannya, dan Ketua Audit Negara adalah berhak menghendaki daripada Lembaga, atau mana-mana ahli, pegawai, penjawat, atau ejen Lembaga apa-apa maklumat dan penjelasan yang disifatkannya perlu bagi pelaksanaan kewajipan-kewajipannya sebagai seorang juruaudit.

(4) Setelah berakhir tiap-tiap satutahun kewangan, sebaik sahaja akaun-akaun Lembaga diaudit, Lembaga hendaklah menyebabkan suatu salinan penyata akaun itu, bersama dengan suatu salinan apa-apa laporan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atas pernyataan atau atas akaun-akaun Lembaga, dihantar kepada Menteri yang hendaklah membentangkannya di Dewan Undangan dan menyebabkan suatu salinannya disiarkan dalam *Warta*.

Laporan  
tahunes

**35.** Lembaga hendaklah, seberapa segera setelah berakhir tiap-tiap satutahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri suatu laporan yang berurusan amnya dengan kegiatan-kegiatan Lembaga dalam tahun itu, dan Menteri hendaklah menyebabkan suatu salinan laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan.

Akaun  
bank.

Akta 372

**36.** (1) Semua wang yang dibayar kepada Lembaga hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun dalam mana-mana bank atau bank-bank yang berlesen di bawah peruntukan-peruntukan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989\* sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Semua perintah terhadap akaun tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Besar dan ditandatangan balas oleh seorang pegawai lain Lembaga yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Lembaga.

Bida  
tender  
dan pengesil

**37.** Tender-tender bagi pelaksanaan apa-apa kerja atau kewajipan, atau bagi pembekalan apa-apa bahan atau apa-apa

\*Lihat nota kaki di muka surat 18 supra.

benda lain yang perlu bagi maksud-maksud Lembaga yang melibatkan perbelanjaan Lembaga, hendaklah dipanggil bagi sesuatu hal dan mengikut apa-apacara yang diarahkan oleh Kerajaan secara am atau dalam sesuatu hal tertentu.

### BAHAGIAN VII

#### AM

**38.** (1) Menteri boleh memberi kepada Lembaga arahan-arahan yang bersifat am, yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini, mengenai perjalanan dan pelaksanaan oleh Lembaga fungsi-fungsinya dan Lembaga hendaklah menguatkuasakan arahan-arahan yang diberi sedemikian.

Kata  
Menteri  
memberi  
arahan

(2) Lembaga hendaklah memberi kepada Menteri apa-apa maklumat berkenaan dengan harta dan kegiatan-kegiatannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

**39.** (1) Jika sesuatu harta tak alih, yang bukan tanah Kerajaan, dikehendaki bagi maksud-maksud Lembaga dan tidak dapat diperolehi melalui perjanjian, Lembaga boleh meminta dan Yang di-Pertua Negeri boleh, jika difikirkannya patut, mengarahkan pengambilan harta itu, dan dalam hal itu, harta itu boleh diperolehi mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengambilan tanah bagi maksud awam dan sesuatu perisyiharan yang dikehendaki di bawah undang-undang itu yang menyatakan bahawa tanah itu diperlukan sedemikian boleh dibuat walaupun paripasan akan dibayar daripada wang Lembaga, dan perisyiharan itu hendaklah berkuatkuasa seolah-olah ia adalah suatu perisyiharan yang menyatakan bahawa tanah itu diperlukan bagi suatu maksud awam yang dibuat mengikut undang-undang bertulis itu.

Pengambilan  
tanah  
dengan  
paksa

(2) Apabila mana-mana tanah diambil dengan paksa oleh Kerajaan atas permintaan dan bagi maksud-maksud Lembaga di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu berhubung dengan pengambilan itu—

- (a) Lembaga hendaklah mengganti rugi Kerajaan terhadap semua kos, caj dan perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan pengambilan itu;
- (b) Lembaga tidak boleh, tanpa izin bertulis dari Menteri, menjual, menukar atau dengan cara lain melupuskan tanah itu atau apa-apanya kepentingan atasnya.

Pindah  
mutlak  
harta  
kepada  
Lembaga

**40.** (1) Yang di-Pertua Negeri boleh pada bila-bila masa dengan perintah meletak hak mana-mana tanah Kerajaan atau harta alih Kerajaan pada Lembaga jika dikehendaki dibuat demikian bagi membolehkan Lembaga menjalankan kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawabnya.

(2) Harta yang terletak hak pada Lembaga di bawah seksyen ini boleh terletak hak sedemikian secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut dikenakan oleh Yang di-Pertua Negeri.

(3) Jika mana-mana tanah diletak hak pada Lembaga di bawah seksyen ini maka suatu hantaran salinan perintah yang berkenaan hendaklah, walau apa pun apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang Negeri yang berlawanan, memberi kuasa yang cukup kepada mana-mana pegawai awam yang bertanggungjawab bagi mendaftarkan urusan-urusan mengenai tanah atau pengeluaran hakmilik baginya, dan mana-mana pegawai itu hendaklah dengan segera, tanpa mengenakan bayaran, mengambil semua langkah yang perlu bagi menyempurnakan hakmilik Lembaga atas tanah itu.

Kuasa-kuasa  
dari dan  
Pengurus  
Besar

**41.** Dalam sesuatu keadaan darurat, Pengurus Besar boleh mengarahkan pelaksanaan sesuatu kerja atau perlakuan sesuatu tindakan yang Lembaga diberikuasa untuk melaksanakan dan melakukan dan yang ia tidak diberikuasa dengan nyata untuk melaksanakan atau melakukan oleh peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau peraturan-peraturannya dan pelaksanaan atau perlakuananya yang segera adalah pada pendapatnya perlu, dan ia boleh mengarahkan bahawa perbelanjaan melaksanakan kerja atau perlakuan tindakan itu hendaklah dibayar dari wang Lembaga.

Dengan syarat bahawa—

- (a) Pengurus Besar tidak boleh mengambil apa-apa langkah di bawah seksyen ini berlawanan dengan sesuatu ketetapan Lembaga yang telah diluluskan dengan sempurna di sesuatu mesyuarat; dan
- (b) ia hendaklah melaporkan apa-apa jua yang dilakukan di bawah seksyen ini di mesyuarat Lembaga yang berikutnya.

Kuasa  
menggantung  
fungsi-  
fungsi  
eksekutif

**42.** Walau apa pun mana-mana peruntukan yang lain Enakmen ini, Yang di-Pertua Negeri boleh dengan perintah menggantung semua atau mana-mana fungsi eksekutif Lembaga atau mana-mana

**LEMBAGA KEMAJUAN  
PERHUTANAN NEGERI SABAH**

23

ahli atau pegawai atau penjawat Lembaga dan mempertanggungkannya ke atas mana-mana orang bagi sesuatu tempoh yang disifatkannya patut.

**43.** (1) Kecuali bagi maksud-maksud Enakmen ini atau sesuatu prosiding jenayah di bawah Enakmen ini, tiada seseorang ahli, atau pegawai atau penjawat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat mengenai sesuatu urusan individu, yang telah didapatinya semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Enakmen ini.

Kerahsuan  
dan perakti

(2) Seseorang yang dengan disedarinya melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh yang tidak lebih daripada satu tahun.

**44.** (1) Tiada sesuatu tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa atau dimulakan sendiri terhadap mana-mana ahli Lembaga atau terhadap pegawai atau penjawat yang dilantik oleh Lembaga berkenaan dengan sesuatu tindakan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat secara *bona fide* menurut atau pada melaksanakan atau pelaksanaan yang dicadangkan Enakmen ini.

Perlindungan  
terhadap  
prosiding  
sendang  
undang

(2) Jika seseorang dikecualikan daripada tanggungan hanya oleh sebab peruntukan seksyen ini maka Lembaga bertanggungan setakat yang ia akan bertanggungan jika orang itu adalah penjawat atau ejen Lembaga.

**45.** Semua ahli, pegawai dan penjawat Lembaga hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam erti Kanun Keseksaan.

Pengkhidmat  
awam Akta  
574

**46.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah dipakai bagi sesuatu tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, penjawat atau ejen Lembaga mengenai sesuatu tindakan, kecuian, atau kemungkir yang dibuat atau dilakukan oleh Lembaga atau orang-orang itu atas sifatnya yang demikian itu.

Akta  
Perlindungan  
Pihak  
Berkuasa  
Awam  
1948  
Akta 198

**47.** Bagi maksud mana-mana undang-undang yang berhubung dengan tanah Lembaga hendaklah disifatkan sebagai Anak Negeri.

Lembaga  
hendaklah  
disifatkan  
sebagai Anak  
Negeri

**48.** Sesuatu pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dijalankan oleh mana-mana orang yang diambil kerja oleh Lembaga atau oleh mana-mana pegawai awam yang diberikuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Peguam Besar Negeri.

Orang-orang  
yang  
diberikuasa  
secara  
bertulis

Izin  
pendakwaan

**49.** Tiada sesuatu pendakwaan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali dengan atau dengan izin terdahulu secara bertulis dari Peguam Besar Negeri.

Kuasa  
membuat  
peraturan  
peraturan

**50.** Yang di-Pertua Negeri boleh membuat peraturan-peraturan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini yang menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki oleh Enakmen ini dan bagi perjalanan yang lebih baik peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Pemansuhan  
dan  
kecualian  
En. No 20/  
1976

**51.** (1) Enakmen Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah 1976 adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) Walaupun Enakmen yang dinyatakan dalam subsekysen (1) telah dimansuhkan—

- (a) pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen yang dimansuhkan itu hendaklah terus wujud seolah-olah ia telah ditubuhkan di bawah Enakmen ini;
- (b) apa-apa hak, keistimewaan, kewajipan atau tanggungan yang diperolehi, terakru atau dibuat di bawah Enakmen yang dimansuhkan itu hendaklah terus menjadi sah seolah-olah ia telah diperolehi, terakru atau dibuat di bawah Enakmen ini;
- (c) apa-apa jua jenis harta yang dimiliki atau terletakhak pada pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen yang dimansuhkan itu hendaklah terus dimiliki atau terletakhak pada Lembaga;
- (d) apa-apa suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang wujud sebelum sahaja Enakmen ini mula berkuatkuasa hendaklah terus berkuatkuasa dan berkesan terhadap atau bagi Lembaga;
- (e) apa-apa perlantikan yang dibuat di bawah Enakmen yang dimansuhkan itu atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya hendaklah terus berkuatkuasa dan berkesan seolah-olah ia telah dibuat di bawah Enakmen ini;
- (f) apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen yang dimansuhkan itu hendaklah setakat yang perundangan subsidiari itu tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini terus berkuatkuasa dan berkesan seolah-olah ia telah dibuat di bawah Enakmen ini dan boleh dimansuhkan, diperluaskan, diubah atau dipinda dengan seujarnya;

LEMBAGA KEMAJUAN  
PERHUTANAN NEGERI SABAH

- (g) apa-apa tanggungan seseorang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan dibawah Enakmen yang dimansuhkan itu atau apa-apa prosiding yang dibawa mengenai kesalahan itu sebelum Enakmen ini mula berkuatkuasa adalah tidak tersentuh;
- (h) apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau sebab tindakan yang menunggu perbicaraan atau wujud sebelum sahaja Enakmen ini mula berkuatkuasa oleh atau terhadap pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan dibawah Enakmen yang dimansuhkan itu boleh diteruskan atau dibawa oleh atau terhadap Lembaga; dan
- (i) mana-mana orang yang, sebelum sahaja Enakmen ini mula berkuatkuasa, telah diambil kerja, sebagai pegawai atau penjawat pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan dibawah Enakmen yang dimansuhkan itu hendaklah terus diambil kerja oleh Lembaga sebagai pegawai atau penjawat, mengikut mana yang berkenaan atas terma-termad dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama.